

14/08/1999

Keputusan kes serban dikaji

M Noh Senan; Arhiza Ahmad

JEMPOL, Jumaat - Kementerian Pendidikan akan mengkaji keputusan Mahkamah Tinggi di sini memerintahkan tiga murid Sekolah Kebangsaan Felda Serting, Bandar Baru Serting, di sini yang dibuang kerana memakai serban dua tahun lalu memulakan persekolahan seperti biasa.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kementerian akan meneliti keputusan berkenaan sama ada hendak membuat rayuan atau sebaliknya.

Bercakap selepas perasmian SMK Bandar Baru Serting, di sini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, beliau berkata: "Kita menghormati keputusan mahkamah itu dan sehingga ini suka saya nyatakan kementerian perlu meneliti terlebih dulu perkara berkenaan."

Pada 6 Ogos lalu, Mahkamah Tinggi itu mengisytiharkan penyingkiran tiga bekas murid Sekolah Kebangsaan Felda Serting itu oleh pengurusan sekolah kerana memakai serban ke sekolah, tidak sah dan batal.

Murid terbabit ialah Meor Atiqulrahman Al-Syafik Ishak, 13, manakala sepupunya, Syed Abdullah Khaliq Aslamy Syed Ahmad Johari, 11, dan adiknya, Syed Ahmad Syakur Dihya, 10, memasuki sekolah kebangsaan itu masing-masing di tahun lima dan empat.

Bagaimanapun, Meor Atiqulrahman memasuki tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Serting 3 manakala Syed Abdullah Khaliq Aslamy dan Syed Ahmad Syakur Dihya, memasuki sekolah kebangsaan tahun lima dan empat.

Sebelum ini, ketiga-tiga budak itu mengemukakan saman sivil melalui penjaga mereka memohon mahkamah mengisytiharkan penyingkiran mereka kerana memakai serban ke sekolah tidak sah serta bertentangan Perlembagaan.

Mereka menyaman sekolah terbabit, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Persekutuan. Ketiga-tiganya dibuang sekolah pada 10 November 1997.

Meor Atiqulrahman ketika itu di tahun lima, Syed Abdullah tahun tiga manakala Syed Ahmad pula tahun dua.

Ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri yang mengumumkan kerajaan akan mengambil langkah meningkatkan sekolah agama rakyat (SAR) di negara ini, Najib berkata:

"Kementerian kini dalam proses menulis surat kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenainya."

Beliau berkata, kerajaan akan memikirkan untuk membantu menyelesaikan masalah dihadapi pengurusan sekolah itu seperti menghulurkan bantuan modal kepada kerajaan negeri.

(END)